



EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBUKAAN KAUNTER PANDU LALU DAN PERTAMBAHAN MESIN KIOS
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI PULAU PINANG.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, JPJ Negeri Pulau Pinang telah melancarkan inisiatif **Kaunter Pandu Lalu di pejabat JPJ Negeri Pulau Pinang, Seberang Jaya** pada 21 Oktober 2022 yang lalu. Selain dari itu, JPJ Pulau Pinang juga telah menambah jumlah mesin kios yang baru untuk kemudahan pelanggan melakukan urusan. Urusniaga yang dijalankan di Kaunter Pandu Lalu dan Kios adalah:

- i. Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM)
- ii. Lesen Memandu Malaysia (LMM)
- iii. Pertukaran Lesen Memandu Percubaan ke Lesen Memandu Malaysia
- iv. Pembayaran saman terkini

3. Lokasi bagi mesin kios JPJ adalah seperti berikut:

- i. JPJ Negeri Pulau Pinang, Seberang Jaya
- ii. Cawangan JPJ Batu Uban
- iii. SPK Valdor
- iv. UTC Komtar

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : JPJ.PP.BC.100-9/3/1(42)
Tarikh : 07/11/2022

PEMBUKAAN KAUNTER PANDU LALU DAN PERTAMBAHAN MESIN KIOS JABATAN
PENGANGKUTAN JALAN NEGERI PULAU PINANG.

4. Sehubungan dengan itu, pihak JPJ memohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mewar-warkan kemudahan ini kepada semua pegawai dan kakitangan jabatan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Perhatian YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MESRA, CEKAP, TELUS”

Saya yang menjalankan amanah,


(ADENAN BIN MD ISA B.C.N, K.M.N)
Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan
Negeri Pulau Pinang

“JPJ PULAU PINANG MENGAMALKAN MS ISO 37001:2016 ABMS”
“JPJ PULAU PINANG MENGAMALKAN POLISI TIADA HADIAH”